

05/09/2002

Umno akui kelemahan sedia senarai daftar pemilih

KUALA LUMPUR, Rabu - Umno mengakui wujud beberapa kelemahan dalam parti bagi kerja menyediakan senarai daftar pemilih sehingga memberi peluang kepada Pas menjalankan strategi mengimport pemilih dari kawasan lain.

Sambil menyatakan bahawa ia kini menjadi pembuka mata kepada Umno, Naib Presidennya Datuk Seri Najib Razak, berkata parti kini memberi lebih tumpuan kepada usaha untuk mengemaskinikan senarai berkenaan.

"Saya akui ada kelemahan dalam Umno (mengenai kerja mengemas kini senarai pemilih) tetapi ia berpunca daripada perbuatan Pas yang menggunakan strategi mereka dalam mengimport pengundi dari luar ke kawasan yang ingin dimenangnya," katanya ketika dihubungi Berita Harian hari ini.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) semalam menafikan wujud dua senarai daftar pemilih pada pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit di Kedah, sebagaimana yang didakwa Umno.

Pengerusinya Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman, berkata masalah itu wujud kerana ada parti politik yang tidak menyemak senarai daftar pemilih baru, sebaliknya menggunakan senarai lama.

Beliau turut mendedahkan bahawa masalah yang membabitkan pengundi import sudah lama wujud dan perkara itu sudah dimaklumkan kepada semua pihak termasuk kerajaan ketika beliau menjadi Setiausaha SPR pada 1993.

Katanya, negeri yang menjadi tumpuan bagi strategi politik itu kebanyakannya bagi kawasan pengundi yang majoritinya Melayu seperti Kelantan, Terengganu, Kedah dan Pahang.

Sementara itu, Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin meminta SPR membuat tanda khas pada senarai daftar pemilih yang dianggap sudah bersih bagi mengelak sebarang kekeliruan atau kemungkinan wujudnya dua senarai seperti didakwa sesetengah pihak.

Beliau berkata, SPR perlu menyediakan 'sijil khas' yang menyatakan senarai daftar pemilih itu adalah terkini, 'bersih dan sah'.

"Melalui sijil khas itu kemungkinan tidak akan wujud lagi pengundi import seperti diakui SPR banyak berlaku di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Pahang," katanya.

Minggu lalu, Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, meminta SPR menjelaskan mengenai wujudnya dua senarai berlainan dalam daftar pemilih yang sama di Pendang dan Anak Bukit.

Dr Mahathir juga berkata, semakan di empat peti undi pada pilihan raya kecil DUN Anak Bukit mendapati ada lebih 500 pengundi hantu iaitu mereka yang bukan dilahir dan bekerja di kawasan berkenaan.

Najib yang juga Menteri Pertahanan, berkata pucuk pimpinan Umno sentiasa mengarahkan jentera parti terutama di peringkat cawangan dan bahagian untuk menyemak daftar pemilih bagi memastikan nama pemilih tidak dipindahkan ke kawasan lain.

"Kadangkadangkang ada pihak dalam Umno yang tidak memandang berat perkara ini kerana kita tidak melakukan apa yang dibuat Pas dalam membawa pengundi import, tetapi kita kini akan memastikan supaya tidak berlaku lagi terutama dalam menghadapi pilihan raya umum kelak," katanya.

Sehubungan itu, Najib berkata, Umno sedang berusaha melakukan satu gerak kerja yang sesuai dalam memastikan 'ground work' parti dapat dilaksanakan dengan lebih licin dan berkesan.

Ditanya mengapa Umno tidak membuat bantahan sebelum dua pilihan raya kecil itu dijalankan, Najib berkata, terdapat beberapa masalah timbul

dalam proses membuat bantahan.